

PENGALAMAN DAN FAKTOR PENGABAIAAN WARGA EMAS DALAM KOMUNITI
(Experiences and Factors of Negligence among Elderly in Community)

Noraini Che' Sharif, Khadijah Alavi, Ponnusamy Subramaniam & Zainah Ahmad Zamani

ABSTRAK

Kajian isu pengabaian dalam kalangan warga emas oleh anak-anak dewasa jarang dilaporkan dan kurang pendedahan mengenai perkara ini. Objektif utama kajian ini ialah untuk memahami pengalaman warga emas yang diabaikan oleh anak dewasa dalam komuniti, meneroka faktor yang mendorong berlakunya pengabaian dan mengkaji peranan pekerja sosial bagi menangani masalah pengabaian dalam komuniti. Metodologi dalam kajian ini merangkumi rekabentuk kualitatif bagi memperoleh maklumat yang berkaitan dengan fenomena pengabaian warga emas dalam kalangan anak dewasa. Lokasi kajian dikenal pasti melalui kerjasama dengan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) iaitu melalui program 'Home Help Services'. Persampelan dalam kajian iaitu pengkaji telah menemu bual seramai lima orang informan yang mempunyai kriteria pemilihan sampel yang sama dalam kajian iaitu warga emas yang berumur 60 tahun keatas, warga emas yang tinggal bersendirian dan warga emas yang mengalami pengabaian dari segi fizikal, emosi, serta kewangan dan material. Dalam proses pengurusan data, pengkaji telah mentranskripsikan data dalam bentuk skrip temu bual dan diasingkan mengikut tema-tema yang telah ditentukan. Analisis termatik digunakan dalam kajian ini bertujuan untuk memahami dengan lebih mendalam tentang fenomena pengabaian yang berlaku dalam kalangan warga emas oleh anak dewasa. Hasil kajian yang diperolehi melalui kajian yang dijalankan iaitu dimana faktor utama yang mendorong kepada berlakunya pengabaian warga emas oleh anak dewasa ialah kerenah warga emas yang membebankan anak dewasa dan anak dewasa yang mementingkan kerjaya/tinggal berjauhan dengan warga emas. Secara umumnya, kajian ini memberi implikasi terhadap isu pengabaian warga emas dalam kalangan anak dewasa iaitu dengan sedikit sebanyak dapatan hasil kajian yang diperolehi dapat membantu dalam menangani masalah pengabaian ini yang semakin meningkat daripada semasa ke semasa. Di samping itu, dapat mengenal pasti peranan pekerja sosial dalam mencegah dan mengatasi masalah pengabaian dalam kalangan warga emas oleh anak dewasa.

Kata kunci: Pengabaian, Warga Emas, Anak Dewasa, Peranan, Pekerja Sosial

ABSTRACT

Studies in the neglect issues among older people by the adult children rarely reported and less exposure on this matter. The main objective of this study is to understand old people experience that are neglect by the adult children in the community; explore factors that promote effectiveness of neglect and examine the role of social workers in dealing with the problem the neglect in the community. Methodology in this study was used qualitative approach to obtain information related to the neglect in older persons phenomenon among adult children. Location

studies identified through a partnership with the Community Welfare Department (JKM) which is through the 'Home Help Services' program. Sampling sized in the study which is five of the informants who have selected with criteria which is the old peoples over 60 years old, a citizen of an old persons who lived alone and who experienced neglect out of the physical, emotional, and financial and material. In the process of dealing data, reseacher has transcribed data in the form of appointment springing and set aside by the themes which have been determined. Tematic analysis was used in this study to understand with in-depth about the neglect phenomenon that occurred in the old persons by adult children. The results of this study that is derived through studies that run which is where main factors that lead to effectiveness of neglect by the children of old citizens of adult citizens for himself is an old man who inflicted on children adult and children adult who concerned with career/stay apart from each other with old citizens. Generally, this study gives the implications for the neglect of old issues among children in adult which is with a little gain as much as the results of this study obtained can help in dealing with this problem the neglect that has increased from time to time. In addition, can identify the role social worker in prevent and overcome the problems in the neglect among citizens by the children of old adults.

Keywords: Neglect, older persons, adult children, role and social workers

PENGENALAN

Proses penuaan penduduk merupakan fenomena global yang berlaku di seluruh dunia termasuklah negara Malaysia. Malaysia dijangkakan menjadi negara tua dalam tempoh 15 tahun akan datang apabila penduduk berumur 60 tahun dan ke atas mencecah 15 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk. Situasi peningkatan warga emas adalah disebabkan oleh pertambahan jangka hayat warga emas akibat daripada terdapatnya kemudahan bantuan perubatan, kesedaran penjagaan pemakanan dan kesihatan, kaedah rawatan yang semakin canggih serta kemajuan dalam teknologi perubatan semakin meningkat (Abdul Aziz et al. 2001). Namun begitu peningkatan warga emas yang di masukkan ke rumah-rumah kebajikan atau rumah perlindungan NGO turut meningkat sama sekali kerana kebanyakan ahli keluarga tidak mahu bertanggungjawab atau menjaga kedua ibu bapa mereka yang tua dan uzur. Namun kes-kes pengabaian sebegini berlaku dikatakan akibat daripada wujudnya proses-proses pembangunan dan pemodenan negara yang semakin pesat membangun yang melunturkan sikap atau semangat serta kesedaran dalam generasi muda tentang kebajikan dan tanggungjawab terhadap orang tua mereka.

Pengabaian dalam kalangan anak dewasa terhadap warga emas adalah merupakan masalah yang serius dan perlu dibendung bagi mencapai tahap kehidupan yang sejahtera dalam kalangan masyarakat. Hal ini kerana, golongan warga emas telah banyak menabur bakti dan jasa dalam pembangunan negara. Pada masa yang sama, golongan warga emas merupakan generasi pengerak dan pencetus kejayaan yang dinikmati dan dicapai oleh generasi muda pada masa kini. Oleh itu, generasi muda seharusnya dan wajar untuk tidak mengabaikan peranan mereka dalam menjaga warga emas untuk memenuhi keperluan mereka bagi mencapai tahap kehidupan sejahtera dan mencapai proses penuaan yang berjaya. Objektif artikel ini adalah membincangkan tentang (a) memahami pengalaman pengabaian dalam kalangan warga emas dan (b) meneroka faktor pengabaian dalam kalangan warga emas.

METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk kajian ini dijalankan dalam pendekatan kualitatif iaitu temu bual terhadap informan bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan berlakunya faktor-faktor pengabaian warga emas dalam komuniti. Pengkaji memilih kaedah temu bual kerana ianya didapati sesuai dengan matlamat kajian yang dijalankan iaitu untuk mendapatkan maklumat lebih mendalam tentang pendekatan fenomena berlakunya faktor pengabaian dalam kalangan warga emas. Secara umumnya penyelidikan kualitatif bertujuan untuk meneroka dan memahami sesuatu fenomena dengan mendalam (Merriam, 1998).

Bagi mengenal pasti lokasi kajian, pengkaji telah berkerjasama dengan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) iaitu dengan mengikuti program '*Home Help Services*'. Program *Home Help Services* telah dijalankan di Negeri Sembilan dan Selangor. *Home Help Service* merupakan program bantuan dari segi perkhidmatan yang diberikan kepada warga emas. Bilangan sampel dalam kajian kualitatif adalah kecil yang mungkin terdiri daripada individu tertentu (Patton, 1990). Bilangan sampel dalam kajian ini ialah seramai lima orang yang telah ditemu bual oleh pengkaji bagi meneroka pengalaman mereka diabaikan dan faktor penyebab berlakunya pengabaian dalam kalangan warga emas oleh generasi anak dewasa. Sampel dalam kajian yang ditemu bual mempunyai ciri-ciri yang ditetapkan iaitu warga emas yang berumur 60 tahun dan ke atas, mempunyai masalah pengabaian dari segi fizikal, emosi, kewangan dan material. Matlamat utama penyelidikan kualitatif bukan untuk membuat generalisasi (Merriam, 1998), tetapi adalah untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam terhadap sesuatu fenomena yang dikaji. Maka penyelidikan adalah sangat bergantung kepada kaedah persampelan bertujuan (Gay dan Airasan, 2000). Kaedah persampelan bertujuan sangat sesuai bagi penyelidikan kualitatif bagi mendapatkan informan yang boleh memberi maklumat (data) mencukupi atau mendalam mengenai perkara yang sedang dikaji.

Garis panduan atau protokol dalam kajian, pengkaji menggunakan penyelidikan kualitatif iaitu menggunakan kaedah temu bual separa-berstruktur (*semi-structured interview*) yang dijalankan secara temu bual mendalam (*in-depth interview*). Menurut Mazalah (2002), temu bual separa-berstruktur membolehkan penyelidik mendapat maklumat yang diperlukan, di samping memberi peluang kepada informan meluahkan sesuatu dengan lebih mendalam semasa temu bual dijalankan. Penyelidik berpendapat bahawa pengumpulan data menerusi kaedah temu bual separa-berstruktur membolehkan maklumat yang diperolehi dengan lebih mendalam. Bagi memastikan data yang dikumpulkan menjawab persoalan kajian, penyelidik membina soalan berdasarkan persoalan kajian iaitu berkaitan dengan latar belakang informan dan faktor pengabaian terhadap informan serta pengalaman diabaikan sebagai panduan semasa temu bual. Di samping itu, penyelidik juga telah mencatat nota lapangan semasa sesi temu bual dijalankan. Penyelidik juga telah menemu bual Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi mengetahui peranan pekerja sosial dalam menangani masalah pengabaian warga emas dalam komuniti. Memandangkan kajian yang dijalankan berbentuk kualitatif maka data-data yang telah dikumpulkan melalui proses temu bual secara mendalam diuruskan dengan lebih teratur bagi memudahkan analisis kajian dijalankan kelak. Kesemua data diuruskan dengan teliti kerana menjaga elemen kerahsiaan. Bagi melancarkan proses analisis data dan memudahkan pencarian dan pencapaian semula data informan, semua data yang diperolehi ditranskripkan di dalam skrip temu bual dan diasingkan mengikut tema-tema yang telah ditetapkan.. Temu bual yang

dijalankan oleh penyelidik adalah sehingga memperoleh data yang mencapai takat tepu daripada informan. Takat tepu di sini merujuk kepada maklumat yang sama (bertindih) didapati oleh penyelidik melalui temu bual (Adnan, 2006; Merriam, 1998; Patton, 1990).

Analisis termatik akan digunakan dalam kajian ini bagi menganalisis data-data yang diperolehi. Menurut Boyatzis (1998), analisis termatik ialah penelitian kualitatif yang dimana secara umumnya penelitian ini adalah bertujuan untuk memahami sesuatu fenomena atau gejala sosial dengan lebih menitik beratkan pada gambaran yang lengkap tentang fenomena yang dikaji. Pada dasarnya kajian termatik ini menitik beratkan pada sesuatu tema tertentu yang bertujuan untuk mengetahui secara terperinci dan membuktikan sesuatu hal berkaitan antara tema. Tujuan analisis termatik digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah untuk menghasilkan sesuatu daripada tema untuk diperbincangkan dalam hasil kajian.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Membincangkan tentang hasil kajian yang diperolehi pengkaji melalui temu bual yang dijalankan bersama lima orang informan. Hasil kajian yang diperolehi adalah bagi memenuhi objektif utama untuk kajian ini dijalankan. Hasil kajian yang diperolehi termasuklah ciri-ciri demografi informan iaitu merujuk kepada latar belakang informan yang telah dikumpul oleh pengkaji semasa sesi temu bual dijalankan. Ciri-ciri demografi yang telah dikaji ialah meliputi umur informan, status perkahwinan, bilangan anak, pekerjaan pada masa dahulu, tahap pendidikan dan umur.

Jadual 1 : Profil Demografi Informan

Informan	Status Perkahwinan	Bilangan Anak	Pekerjaan Dahulu	Taraf Pendidikan	Umur
A	Balu	3 Orang	Pembantu Rumah	Darjah 5	65
B	Balu	3 Orang	Tidak Bekerja	Tamat Sekolah	83
C	Bercerai	4 Orang	Pembantu Rumah	Tidak sekolah	75
D	Balu	5 Orang	Berniaga	Darjah 2	84
E	Bercerai	1 Orang	Tukang Cuci	Tidak Sekolah	67

Berdasarkan kepada jadual 1 di atas, kesemua informan adalah berumur dalam lingkungan 65 tahun sehingga 80 tahun. Kesemua informan berada di peringkat dewasa akhir jika dilihat dalam teori psikososial Erikson (Erikson, 1950, 1963), individu pada tahap ini cenderung untuk mengenang kembali setiap perkara yang pernah dilalui sepanjang hayat mereka (Butler, 1963, 1964; Haight, 1992) sama ada berpotensi untuk melalui tahap tersebut dan mengatasi konflik yang berlaku dalam tahap tersebut. Diantara lima-lima informan tersebut, informan yang paling muda iaitu berumur 65 tahun (Informan A) dan paling tua iaitu berumur 84 tahun (Informan D). Kesemua informan yang ditemu bual oleh pengkaji ialah perempuan dan berbangsa Melayu. Dari segi status perkahwinan terdapat 3 orang informan (A, B, D) yang berstatus balu iaitu yang telah kematian suami. Selebihnya iaitu informan (C, E) telah berpisah hidup dengan pasangan masing-masing. Bilangan anak informan yang paling ramai iaitu seramai 5 orang (Informan D) dan yang paling sedikit iaitu seorang (Informan E).

Pengabaian Fizikal Warga emas

Pengabaian fizikal warga emas ialah pengabaian yang dilakukan secara fizikal melalui satu tindakan yang sengaja dilakukan terhadap seseorang warga emas contohnya menampar (Woolf 1998; Ponnusamy, 2004). Manakala dalam kajian yang dijalankan oleh Khadijah Alavi et al. (2011), menjelaskan bahawa konsep pengabaian fizikal iaitu keganasan yang dilakukan terhadap warga emas secara fizikal oleh anak-anak, penjaga, atau sesiapa sahaja yang bertanggungjawab dalam menjaga atau melindungi warga emas. Pengabaian fizikal terhadap warga emas adalah seperti kurang penjagaan personal atau secara peribadi, kurang perhatian, terdapat tanda kecederaan dan dapat dilihat pada mana-mana bahagian tubuh dipukul secara berulang kali dan tidak memberikan makanan. Melalui dapatan kajian yang diperolehi, pengkaji telah mengenal pasti pengabaian fizikal yang berlaku terhadap informan A melalui sesi temu bual yang dijalankan. Berikut adalah luahan isi hati informan A :

...Ambil berat gitu-gitu laa...takde mari tengop, makcik ade anak angkat 2 orang, sorang anak sebenar. Anak angkat dah besar-besar dan dah kawen semua. Tengok-tengok gitu laa, kalau pasal duit-duit nie takde laa....kalau anak yang sana (anak sebenar) 5 ke 6 bulan sekali, hok cini macam tu jugak lah (anak angkat perempuan) setahum sekali.....anak makcik tak pernah telefon tanya khabar...makcik tak puas hati dengan anak makcik (sambil menangis) sebab kalau anak angkat laki pergi mana-mana selalu bawak makcik, hok lain tak pernah (anak sendiri) (Informan A)

...makcik ada 3 orang anak semua perempuan. .makcik bela nak angkat sorang...tengoklah umah makcik nie macam tongkang pecah, berselerak. ...pinggang mangkuk yang tak dibasuh...dengan bilik air nye kotor, kuning... makcik dah tak larat nak bersih semua nie. (Informan B)

.....makcik ada 4 orang anak, tapi diorang tak tinggal dengan makcik. . .anak-anak semua tinggal dengan bapak diorang lepas makcik bercerai. . .anak-anak jarang laa datang jenguk makcik. . .anak-anak ada ajak makcik tinggal bersama, tapi duduk umah orang nie susah. . .menantu perempuan makcik tu. . .ermmmm (mengalami konflik dengan anak menantu) (Informan C)

Melalui perbualan ini jelas menunjukkan bahawa anak informan A mengabaikan tanggungjawabnya daripada segi fizikal. Melalui nota lapangan pengkaji, informan turut menyatakan bahawa anak kandungnya mengabaikan tanggungjawab dalam menjaga hal-hal secara fizikal yang berkaitan dengan informan. Informan hanya berkongsi masalah yang dialami dengan anak angkat lelakinya sahaja. Tambahnya lagi anak angkatnya yang lelaki ini sering kali datang melawat dan bertanya khabar. Mengikut kenyataan yang diberikan oleh informan A bahawa anak perempuan dan anak angkat yang perempuan hanya datang tanya khabar kadang kala sahaja (dalam masa 6 bulan atau setahun hanya sekali datang), mereka juga tidak menelefon informan A. Informan A turut melahirkan perasaannya yang tidak berpuas hati dengan layanan yang diberikan oleh anak kandungnya dan menyatakan bahawa anaknya tidak membalas jasa.

Melalui nota lapangan pengkaji mendapati bahawa informan B, mengalami masalah pengabaian dari segi fizikal iaitu anak-anaknya tidak menjaga informan secara personal serta

kurang perhatian daripada anak-anaknya. Keadaan rumah beliau juga tidak kemas dan berselerak dengan pakaian, pinggang mangkuk yang tidak di basuh. Situasi yang sama turut terjadi terhadap informan C, di mana keadaan rumah informan yang berselerak serta keadaan fizikal dan persekitaran informan juga tidak terurus iaitu dalam keadaan berbau busuk. Begitu juga yang berlaku terhadap informan D yang tinggal bersama cucunya yang mengalami pengabaian dari segi fizikal, di mana beliau dikurung di dalam rumah apabila cucunya pergi bekerja. Ini telah dinyatakan oleh jiran beliau :

...makkik amah tu tinggal dengan cucunya, laki-laki..makkik amah nie ada masalah ingatan cikit, kadang-kadang dia tak ingat, sebab tu cucunya kurung dalam umah bila pergi kerja...kadang-kadang dia keluar umah tak pakai baju laa... macam-macam la..pernah sekali masa cucunya pergi kerja dia rebus air tapi lupa nak tutup, nasib baik makkik pergi tengop kalau tak terbakar laa umahnya... (Jiran Informan D).

...Anak makkik tu sorang yang pendiam, jarang nak berbual-bual. .balik kerja terus masuk bilik... anak makkik tu kerja pengawal keselamatan. . biasenya dia kerja malam. . siang hari asyik memerap dalam bilik tido. . tapi kalau tak kerja dia selalu keluar umah. . jarang sangat ada duk umah...dia tak ambik kisah sangat pasal makkik...Macam tu jelah, kadang-kadang makkik rasa terpencil sangat sebab anak makkik tu tak ambil tahu pun pasal kesihatan makkik apa semua nie... Makkik tak ada siapa-siapa. .kalau ada masalah, makkik pendam jelah..saudara mara pun tak ambik kisah pasal makkik... (Informan E).

Informan E turut mengalami masalah pengabaian dari segi fizikal. Informan E menceritakan bahawa anaknya sering kali mengabaikan penjagaan secara personal terhadapnya. Walaupun tinggal bersama, anaknya tidak mengambil tahu apa yang berlaku ke atas dirinya, sama ada sihat ataupun tidak. Beliau turut menyatakan bahawa ada kalanya dia berasa sangat tersisih daripada anaknya kerana sering kali diabaikan. Manakala ahli keluarga lain turut tidak mengambil tahu atau bertanya khabar tentang keadaan dirinya. Beliau turut memberitahu bahawa adakalanya dia berasa sangat sunyi kerana tiada teman untuk berbicara kerana anaknya lebih banyak menghabiskan masa dengan bekerja, dan pada hari tidak bekerja pula anaknya hanya berada di dalam bilik ataupun keluar daripada rumah.

Melalui sesi temu bual yang dijalankan pengkaji, jelas menunjukkan bahawa golongan warga emas ini sangat memerlukan perhatian daripada anak-anak mereka, kerana semakin meningkat usia seseorang itu, maka mereka sangat memerlukan kasih sayang dan belaian mesra daripada orang yang tinggal sekelilingnya bagi mencapai kesejahteraan di hari-hari tua mereka. Mengikut kajian yang dijalankan oleh Rossi (1990), menunjukkan bahawa di negara maju warga emas tidaklah diketepikan, malah turut menjalankan hubungan yang erat dengan anak-anak, contohnya warga emas mempunyai keluarga yang dekat tinggal berdekatan dengannya, anak-anak selalu menghubungi keluarga walaupun tinggal berjauhan seperti menziarahi, telefon ataupun mengutus surat kepada ibu bapanya. Namun begitu keadaan berbeza di Malaysia, walaupun negara semakin meningkat maju tetapi sikap rohani dalam diri anak-anak zaman kini semakin luntur dalam menjaga kebajikan warga emas, situasi ini jelas dapat ditunjukkan melalui meningkatnya bilangan warga emas yang dimasukkan ke dalam Rumah Seri Kenangan (RSK) dan Rumah Ehsan (RE) daripada semasa ke semasa iaitu sehingga Jun 2012, ada 2084 orang

warga emas yang ditempatkan di RSK dan RE jumlah ini mengalami peningkatan sebanyak 13.7 peratus berbanding tahun lalu (Harian Metro, 2012).

Pengabaian Emosional

Pengabaian emosi terhadap warga emas ialah bermaksud pengabaian yang sengaja dilakukan terhadap warga emas sama ada daripada segi mental atau psikologi. Pengabaian emosi adalah seperti penghinaan terhadap warga emas, ancaman kecederaan fizikal, dan melakukan pengasingan terhadap warga emas (Woolf, 1998). Namun begitu, konsep pengabaian emosional terhadap warga emas yang dinyatakan oleh Khadijah et al. (2011), iaitu bentuk gangguan psikologi terutamanya dari segi mental dan fizikal yang didera atau dianiayai oleh anggota keluarga, penderaan emosional iaitu seperti tidak memberi kasih sayang yang cukup atau membenci, tidak menghiraukan, tidak dilayan kerennahnya, mereka sering dimarah, ditengking, ditakut-takutkan dan ahli keluarga bermusuhan dengan warga emas. Mengikut dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji, informan A mengalami pengabaian emosi kerana anaknya sering kali bercakap kasar dengan informan tanpa mengambil kisah perasaan yang dirasainya. Situasi ini dapat dilihat apabila informan menceritakan apa yang dialaminya semasa sesi temu bual dijalankan :

...tak pernah elok...bercakap yaarabi. .bukan kita bercakap bukan....macam anak beranak, tengking menengking. .bukan kita nie tengking....bukan mak tengking anak tapi anak tengking mak. Itu yang sedih...kadang-kadang.... aa. . kalau pakai cantik-cantik anak perempuan angkat marah, yang laki tak marah. . kalau pakai lawa-lawa anak angkat yang perempuan kata dah tua tak dop orang nak lagi pakai lebih kurang dah laa. . tak payah berbedak-bedak. Kalau yang laki suruh pakai elok-elok, tak cakap kasar anak angkat laki. Kalau dia kata apa-apa diam jelah.... (Informan A)

...anak makcik jarang-jarang datang melawwat makcik..sebelum nie makcik ada laa bertekak sikit dengan anak sebab kecil hati...makcik tak kisah diorang nak datang tengok, datang laa..makcik tak nak kacau anak..makcik rasa macam menyusahkan anak..makcik takut anak bencikan makcik pulak nanti.. (Informan C)

..... aaa. . .sorang laa, kunci pintu kat luar, kalau tak dia merayau-rayau aaa. . . kalau dia keluar nanti tak tahu nak balik umah..Takdee kunci betol. . Cuma sangkut kunci, kadang kala dia buka..dia keluar merayap tu yang tak tahan... (Jiran Informan D)

..Makcik tak pernah pun marah-marah dia, tapi makcik tak tahu kenapa sikap dia terhadap makcik sangat dingin...ada kalanya makcik berasa sangat sunyi sebab tak ada teman untuk berbual-bual...entahlaa. . kadang-kadang anak makcik nie tak hiraukan makcik pun, pernah sekali makcik suruh dia hantar makcik ke hospital..tapi dia buat tak tahu jee, terpaksa makcik pergi naik bas..(Informan E)

Mengikuti dapatan kajian daripada temu bual yang dijalankan oleh pengkaji, informan A menyatakan bahawa anaknya tidak ambil kisah langsung tentang perasaan yang dialaminya sama ada berada dalam keadaan sunyi mahupun sedih. Beliau memberitahu kepada pengkaji bahawa apabila berasa marah atau sunyi, beliau akan mendengar radio ataupun menonton televisyen. Beliau juga memberitahu pengkaji bahawa anak perempuannya tidak pernah bertutur dengan baik dalam komunikasi dengannya seperti bercakap menengking, tidak bersefahaman, bercakap dengan nada yang kasar, serta apa yang beliau cakap adalah salah di mata anaknya. Beliau turut memberitahu bahawa adakalanya apa yang informan katakan anaknya tidak melayan serta sikap anaknya menunjukkan bahawa tidak hormat kepadanya sebagai seorang ibu.

Berdasarkan kepada nota lapangan, pengkaji mendapati bahawa pengabaian emosi yang terjadi terhadap informan B iaitu tidak mendapat kasih sayang yang secukupnya daripada anak-anak, situasi ini dapat dilihat apabila anak-anak meninggalkan informan hidup seorang diri di rumahnya sedangkan informan tidak boleh berjalan dan hanya menggunakan kerusi roda untuk berjalan. Di samping itu, beliau juga tidak mendapatkan kasih sayang yang sepatutnya daripada anak-anaknya. Informan C turut mengalami masalah pengabaian dari segi emosional di mana pengkaji melihat bahawa keadaan emosi beliau yang murung. Di samping itu, beliau turut menceritakan kepada pengkaji bahawa dia pernah bertengkar dengan anaknya dan berkecil hati terhadap sikap anaknya itu. Informan juga berasa sunyi tinggal seorang diri di rumahnya.

Situasi yang sama turut berlaku terhadap informan D, di mana pengkaji mendapati informan mengalami pengabaian dari segi emosi, ini dapat dinyatakan apabila pengkaji menemu bual jiran yang berdekatan dengan rumah informan, informan D dikurung didalam rumah semasa cucunya pergi bekerja, informan tidak dibenarkan keluar untuk berjalan-jalan. Informan juga tidak mendapat kasih sayang sebagai seorang ibu daripada anak-anaknya. Keadaan yang sama berlaku terhadap informan E, beliau menceritakan kepada pengkaji bahawa anaknya bersikap dingin dan tidak mengendahkan apa yang diminta olehnya. Situasi ini jelas menunjukkan bahawa anak beliau telah melakukan pengabaian dari segi emosi terhadap ibunya.

Sebagai seorang anak yang baik dan menghormati warga emas, adalah wajar untuk mereka menjaga hati dan perasaan ibu bapa mereka, kerana ibu bapa merupakan insan yang pertama menjaga dan mendidik kita agar terus hidup dengan lebih baik di muka bumi ini. Mengikuti kajian yang dijalankan oleh Anetzberger (1994), menyatakan bahawa banyak kajian lepas membuktikan bahawa pengabaian yang dilakukan terhadap warga emas ialah dilakukan oleh penjaga atau saudara terdekat mangsa.

Pengabaian kewangan dan material

Pengabaian kewangan dan material ialah penganiayaan ataupun penipuan terhadap harta yang dilakukan terhadap warga emas. Penjaga gagal dalam memberikan penjagaan atau keperluan asas seperti keselamatan, rawatan emosi dan fizikal, juga termasuk dalam pengabaian kewangan dan material (Khadijah, 2011). Manakala Woolf (1998) pula berpendapat bahawa pengabaian kewangan ialah penyalahgunaan terhadap kewangan yang dimiliki warga emas atau mengeksplotasi terhadap harta atau wang simpanan warga emas misalnya menipu dalam pemilikan harta atau aset kewangan.

Dapatan kajian yang diperolehi semasa temu bual dijalankan oleh pengkaji, informan A dan B mengalami pengabaian dari segi kewangan dan material. Pengabaian kewangan dan material yang dialami oleh informan iaitu anaknya tidak memberi wang untuk sara hidup atau membeli barang keperluan. Di samping itu, anaknya juga tidak pernah membekalkan makanan

berkhasiat kepada informan. Informan menyatakan bahawa perbelanjaan bulanannya hanya bergantung kepada bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat, bantuan daripada Baitulmal, dan pencen arwah suaminya. Pendapatan yang diperolehi ini akan digunakan untuk membayar sewa rumah, bil air, bil elektrik, membeli makanan, dan barang-barang keperluan lain. Pengabaian kewangan dan material yang dialami oleh informan dikenal pasti semasa temu bual dijalankan oleh pengkaji. Ini merupakan kenyataan yang diberikan oleh beliau :

....Mana ade anak nak bagi ke mok, nak hop mok ade. . .tapi takde la anak mintak.. tak bagi (sambil mengeleng kepala)...anak tak bagi pun makanan, semua makcik beli sendiri..anak mari tengok jarng-jarang sekali, kalau makan hok mok masak ada laa, kalau kita nok makan hok dia masok takda laa..kalau diorang datang melawat makcik ramai-ramai pon, makcik yang memasak untuk diorang..aaa..rumah nie makcik sewa RM124 sebulan..makcik dapat bantuan JKM dan Baitulmal, anak-anak tak ada bagi...(Informan A)

...makanan semua makcik sediakan sendiri..kau tengoklah nie..lauk semua kadang-kadang makcik beli jee kat bawah, tak pun makan roti jee...perbelanjaan semua makcik guna duit pencen arwah suami.. (Informan B)

...makcik lupa, rasanya yang tanggung makcik ialah JKM..anak-anak makcik semua dah ada keluarga jadi diorang kena tanggung anak dan keluarganya..pakaian semua makcik beli sendiri..makanan ada orang yang bagi, rasanya welfare... (Informan C)

..tak ada bagi pun. . sebab dia bukan banyak duit sangat pun. .itu pun kadang-kadang pinjam duit makcik.. Kadang-kadang tu ada laa bayar, kadang tak...makcik tak kisah sangat pun.. Ada la jugak, kadang-kadang dia ada beli barang dapur bila dapat gaji..dalam sebulan sekali...tapi adakalanya dia tak beli langsung...(Informan E)

Nasib yang sama dialami oleh informan C di mana anak-anaknya tidak memberi wang untuk sara kehidupan informan seharian. Informan hanya bergantung kepada duit yang diberikan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sahaja. Di samping itu, anak-anak informan juga gagal memberi keperluan asas seperti pakaian dan makanan berkhasiat. Melalui nota lapangan, pengkaji mendapati bahawa anak-anak informan juga tidak memberi pengawasan yang sepatutnya terhadap informan iaitu di mana informan di tinggalkan hidup seorang diri di rumah sedangkan informan mengalami masalah pendengaran dan masalah ingatan ada kalanya. Pengabaian ini dapat dibuktikan melalui temubual yang dijalankan oleh pengkaji semasa pengumpulan dapatan kajian.

Pengabaian kewangan dan material yang dialami oleh informan E adalah bahawa anaknya tidak memberi bantuan kewangan untuk menampung kehidupannya. Informan hanya bergantung kepada bantuan yang diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat sahaja. Terdapat beberapa kali bahawa anaknya pernah meminjam duit daripada informan dan ada ketika anak informan tidak membayar balik duit yang dipinjam itu.

FAKTOR PENGABAIAN DALAM KALANGAN WARGA EMAS

Hampir kesemua informan yang ditemubual oleh pengkaji mengalami pengabaian dari segi kewangan dan material di mana anak-anak tidak menjalankan peranan mereka dalam melaksanakan tanggungjawab dalam hal-hal kebajikan ibu bapa mereka. Kebanyakan anak-anak tidak memberi duit perbelanjaan untuk informan, manakala informan hanya mengharapkan bantuan kewangan daripada JKM sahaja untuk menampung kehidupan seharian. Di samping itu, terdapat juga anak-anak yang membiarkan ibu mereka tinggal bersendirian di rumah sedangkan ibunya mengalami masalah kesukaran untuk bergerak. Terdapat juga anak-anak yang meninggalkan ibu mereka sedangkan ibunya mengalami masalah ingatan. Situasi ini boleh membahayakan keselamatan warga emas jika dibiarkan secara berterusan. Dalam kajian yang dijalankan oleh Campbell & Browne (2002), menjelaskan bahawa campur tangan untuk mengatasi masalah pengabaian dalam keluarga adalah sangat sedikit, sebanyak 63 peratus wanita dan 53 peratus lelaki berusia 75 tahun ke atas mengalami hilang upaya dan memerlukan bantuan daripada ahli keluarga terdekat untuk memenuhi keperluan mereka dan pengabaian melibatkan kewangan turut berlaku dengan kadar 4 peratus hingga 10 peratus yang melibatkan warga emas dalam lingkungan umur 65 tahun ke atas.

Jadual 2: Faktor Pengabaian

Faktor	Informan				
	A	B	C	D	E
Anak-anak pentingkan kerjaya/tinggal jauh		✓	✓	✓	
Jurang komunikasi antara warga emas dan anak-anak.	✓				✓
Warga emas tidak mempercayai anak-anak boleh menjaganya.		✓			
Anak-anak tidak tahan dengan kerenah warga emas.		✓	✓	✓	
Anak-anak mengalami masalah kewangan.	✓				✓
Taraf kesihatan warga emas.			✓	✓	

Anak-Anak Pentingkan Kerjaya dan Tinggal Jauh

Anak-anak pentingkan kerjaya sehingga tinggal berjauhan dengan tempat tinggal warga emas. Anak-anak pada zaman kini lebih mementingkan kerjaya daripada menjaga ibu bapa mereka yang telah uzur. Lebih-lebih lagi pada zaman moden ini, kerjaya adalah segala-galanya untuk mencapai kehidupan yang senang dan mewah. Oleh itu, anak-anak terpaksa memilih antara kerjaya atau menjaga warga emas. Dalam kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa informan B, C, dan D mengalami pengabaian oleh anak-anak adalah disebabkan anak-anaknya lebih memilih kerjaya daripada menjaga mereka. Ini dapat dilihat melalui kenyataan yang diperolehi semasa temu bual dijalankan oleh pengkaji :

...anak mak cik 3 orang semuanya perempuan...mereka semua dah kawin, masing-masing ada keluarga.. 2 orang anak mak cik tinggal di Sarawak kerja kat sana.. dan sorang lagi tinggal di KL..diorang jarang balik sini sibuk dengan kerja...mak cik ada sorang anak angkat laki, tapi dia jarang datang jugak...sibuk dengan kerja...(Informan B)

..anak-anak mak cik munah tinggal di Singapura, mereka semua kerja kat sana..mereka terpaksa hantar mak cik munah ke kampung sebab mak cik munah ada masalah ingatan..mak cik munah juga ada masalah pendengaran (Jiran Informan C)

...anak mak cik Rahimah tu semuanya tinggal jauh-jauh..cuma ada sorang anaknya tinggal kat Bahau, tapi hanya seminggu sekali datang jenguk..yang tinggal kat Bahau tu kerja cikgu..anaknya tak boleh nak jaga sebab sibuk nga kerja...lebih-lebih lagi cikgu kan balik kerja petang.. (Jiran Informan D)

Jurang Komunikasi Antara Warga emas Dengan Anak-Anak

Selain itu, pengabaian dalam kalangan warga emas berlaku adalah disebabkan wujudnya jurang komunikasi antara warga emas dan anak-anak mereka. Di mana, apabila anak-anak meningkat dewasa dan mempunyai pendidikan dan kerjaya yang tinggi akan wujudnya jurang komunikasi dalam kalangan mereka. Mengikuti dapatan kajian yang diperolehi, terdapat 2 orang informan yang mengalami pengabaian disebabkan oleh jurang komunikasi dengan anak-anaknya iaitu informan A dan E. Berikut ialah kenyataan yang diberikan oleh informan :

..aa...kalau pakai cantik-cantik anak perempuan angkat marah, yang laki tak marah. . kalau pakai lawa-lawa anak angkat yang perempuan kata dah tua tak dop orang nak lagi pakai lebih kurang dah laa. . tak payah berbedak-bedak. Kalau yang laki suruh pakai elok-elok, tak cakap kasar anak angkat laki. Kalau dia kata apa-apa diam jelah.. aa. .tak sefahaman, dia lain kan, dia bagi kita kasar. . kalau kita kata hok nie elok. . anak tu akan kato mok nie pandai-pandai jee..suara kasar.. (Informan A)

..Anak makcik tu sorang yang pendiam, jarang nak berbual-bual...balik kerja terus masuk bilik...dia tak ambik kisah sangat pasal makcik... entahlaa. . kadang-kadang anak makcik nie tak hiraukan makcik pun, pernah sekali makcik suruh dia hantar makcik ke hospital...tapi dia buat tak tahu jee, terpaksa makcik pergi naik bas..(Informan E)

Menurut Awanis (2010), kesibukan anak-anak mengejar kejayaan berterusan tanpa hadnya sehingga ada yang sanggup menetap di luar negara untuk sesuatu tempoh masa tertentu bagi memastikan kejayaan sentiasa berada dalam genggaman mereka. Apabila ibu bapa semakin tua, terdapat jurang komunikasi dengan anak-anak dan anak-anak yang berpelajaran tinggi dan berjawatan baik pula tidak berusaha untuk merapatkan jurang komunikasi antara mereka dengan kedua-dua ibu bapa mereka. Keadaan ini menyebabkan ada orang tua yang tidak menaruh sebarang kepercayaan bahawa anak mereka akan sanggup menjaga sakit pening mereka lantas

sanggup tinggal di rumah orang-orang tua kerana lebih mempercayai orang lain untuk menjaga mereka daripada anak kandung mereka sendiri.

Warga emas Tidak Percaya Anak-Anak Boleh Menjaganya

Faktor yang mendorong kepada berlakunya pengabaian dalam kalangan warga emas adalah disebabkan oleh sikap warga emas itu sendiri yang tidak mempercayai bahawa anak-anak boleh menjaganya dengan baik. Terdapat sesetengah warga emas yang bersikap tidak yakin terhadap anaknya, situasi ni menyebabkan warga emas lebih selesa tinggal bersendirian di rumahnya. Keadaan ini hanya dialami oleh informan B sahaja, di mana beliau lebih selesa tinggal bersendirian daripada tinggal bersama-sama anaknya walaupun keadaannya telah uzur. Oleh itu, sepatutnya anak-anak beliau seharusnya datang menziarahinya beberapa kali dalam seminggu, kerana keadaan kesihatan beliau yang telah uzur. Mengikut dapatan hasil kajian yang dilaksanakan oleh Shanas (1980), mendapati bahawa di negara maju menunjukkan hampir 80 peratus warga emas akan bertemu dengan sekurang-kurangnya salah seorang anak mereka dalam masa seminggu sekali. Ini menunjukkan bahawa di Malaysia juga boleh mengamalkan cara sebegini bagi mengelakkan berlakunya pengabaian dalam kalangan warga emas.

Anak-Anak Tidak Tahan Dengan Kerenah Warga emas

Sikap anak-anak yang tidak tahan dengan kerenah warga emas turut menjadi faktor kepada berlakunya pengabaian dalam kalangan warga emas. Apabila warga emas meningkat usia, sikap mereka akan berubah menjadi seperti kanak-kanak, sikapnya yang suka membebel tidak tentu pasal, mudah marah atau tersentuh, melakukan perkara-perkara yang dilarang dan memberontak. Dapatan kajian yang dipeolehi oleh pengkaji iaitu mendapati bahawa 3 orang informan mengalami pengabaian disebabkan oleh faktor anak-anak yang tidak tahan dengan kerenah warga emas iaitu informan B, C dan D. Ini telah dinyatakan melalui dapatan hasil kajian dalam temu bual yang dijalankan :

...mak memang cerewet...bukan semua benda dia makan..lepas tu, dia lebih suka duduk kat umah sendiri daripada duduk umah anak-anak...kalau datang melawat bawak makanan pun bukan dia makan.. (Anak Informan B)

...mak cik Munah nie dah nyayuk, anak-anak susah nak jaga dia..sebab masing-masing nak bekerja, sebab tu dia dihantar balik kampung nie..sebelum nie mak cik Munah tinggal kat Singapura dengan anaknya..anaknya tak tahan dengan sikap mak cik Munah yang kadang-kadang ingat, kadang-kadang tak ingat..sebab tak ada masa nak jaga anaknya hantar balik kampung...(Jiran Informan C)

...pernah anaknya datang ambik, tapi mak cik Amah nie suka memberontak macam budak...kalau dia tak nak sesuatu benda tu, kalau bagi jugak dia akan campak..angin jugak kita kan..mak cik Amah nie tak nak duduk umah anaknya, pernah anaknya datang ambik tapi meraung-raung nak balik..mana anaknya tahan dengan sikap macam tu..buat malu kat jiran-jiran jee.. (Jiran Informan D)

Anak-Anak Mengalami Masalah Kewangan

Pendapatan yang diperolehi oleh anak-anak juga akan mendorong kepada berlakunya pengabaian dalam kalangan warga emas. Bagi golongan anak-anak yang berpendapatan sederhana adalah besar kemungkinan mereka tidak akan memberi wang perbelanjaan kepada ibu bapanya ini menyebabkan berlakunya pengabaian dari segi kewangan dan material. Sebagai seorang anak yang bertanggungjawab, seharusnya mereka menjaga hal-hal yang berkaitan dengan keperluan asas ibu bapanya seperti bekalan makanan yang berkhasiat, keselamatan, tahap kesihatan yang baik, dan lain-lain. Hasil kajian menunjukkan terdapat 2 orang informan iaitu informan A dan E yang mengalami pengabaian disebabkan oleh faktor masalah kewangan yang dialami oleh anaknya, Ini telah dinyatakan oleh informan :

...mana ada nok bagi ke mok, nak hop mok ada la, tapi tak ada laa mintak..kalau anak datang pun tengok gitu-gitu jelah..kalau pasal nak bagi duit nie tak adala....(Informan A)

... tak ada bagi pun.. sebab dia bukan banyak duit sangat pun. .itu pun kadang-kadang pinjam duit makcik... Kadang-kadang tu ada laa bayar, kadang tak...makcik tak kisah sangat pun...(Informan E)

Taraf Kesihatan Warga emas

Faktor yang terakhir mendorong berlakunya pengabaian dalam kalangan warga emas iaitu tahap kesihatan yang dialami. Tahap kesihatan yang teruk terhadap warga emas menyukarkan anak-anaknya untuk menjaga mereka. Pada masa kini kebanyakan anak-anak bekerja makan gaji dan sukar untuk mendapat cuti bagi menguruskan warga emas. Jalan penyelesaian yang biasanya dipilih iaitu membiarkan warga emas bersendirian di rumah tanpa pengawasan daripada mana-mana pihak tertentu. Keadaan ini menimbulkan pengabaian dalam kalangan warga emas kerana mereka dibiarkan tanpa ada sesiapa yang memantaunya, lebih-lebih lagi kepada warga emas yang mengalami masalah ingatan dan kecelaruan mental. Melalui hasil kajian yang diperolehi, pengkaji telah menjalankan temu bual bersama jiran informan C dan D bagi mengetahui mengapa faktor tahap kesihatan menjadi pendorong kepada berlaku pengabaian terhadap informan. Ini telah dinyatakan oleh jiran informan :

..mak cik Munah nie ada masalah ingatan, jadi anak-anaknya sibuk bekerja kat Singapura..disebabkan tak ada orang nak jaga dia, anaknya bawak balik kampung..lebih-lebih lagi keadaan kesihatannya yang tak berapa baik, kejang ingat..kejang tak ingat..mak cik munah nie dah nyayuk..susah nak kawal..(Jiran Informan C)

...mak cik Amah nie ada kalanya ada masalah mental, sebab pernah sekali anaknya datang ambik mak cik Amah untuk tinggal bersamanya, tapi masa anaknya pergi mengajar kat sekolah dia kuncikan mak cik Amah dalam umah sebab takut keluar jalan-jalan...tapi makcik Amah telah bagi tahu kat jirannya

yang anaknya telah dera dia...sebab tu anak dia tak nak jaga dia.. (Jiran Informan D)

Faktor yang paling tinggi mendorong berlakunya pengabaian dalam kalangan warga emas oleh anak-anaknya adalah disebabkan oleh anak-anak yang tidak tahan dengan kerenah warga emas tersebut. Warga emas yang meningkat usia akan mengalami perubahan dari segi perwatakan dan emosi. Mengikut Teori Perkembangan (Musim Akhir Levinson) proses transaksi pada umur antara 60 dan 65 tahun juga berlaku di mana seseorang merasakan mereka sudah tua dan terpaksa berhadapan dengan stereotaip yang negatif tentang umur tua termasuk perubahan fizikal dan juga sanggup melepaskan kehendak sendiri untuk mendapat tumpuan setiap masa. Dalam menghadapi kerenah warga emas, anak dewasa memerlukan bantuan dan sokongan sosial daripada pekerja sosial bagi membantu menangani masalah dan kerenah warga emas tersebut. Peranan pekerja sosial amat signifikan semasa warga emas dan anak dewasa dalam krisis.

KESIMPULAN

Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang mendorong kepada berlakunya pengabaian kepada warga emas dalam komuniti. Antara faktor-faktornya adalah seperti anak-anak pentingkan kerjaya atau tinggal jauh daripada ibu bapa, jurang komunikasi antara warga emas dan anak, warga emas tidak mempercayai bahawa anak-anak boleh menjaganya, anak-anak mengalami masalah kewangan, dan taraf kesihatan warga emas itu sendiri. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor paling dominan yang menyumbang kepada berlaku pengabaian dalam kalangan warga emas iaitu anak-anak yang mementingkan kerjaya atau tinggal berjauhan dengan ibu bapa dan anak-anak yang tidak tahan dengan kerenah warga emas yang bersikap melampau dan stres. Dalam kajian ini menunjukkan bahawa kedua-dua faktor ini menjadi penyumbang tertinggi kepada berlakunya pengabaian terhadap warga emas dalam komuniti.

Bagi mengatasi masalah pengabaian dalam kalangan warga emas yang semakin meningkat di Malaysia pihak-pihak yang bertanggungjawab seharusnya memainkan peranan yang sewajarnya sekurang-kurangnya dapat mengurangkan kes-kes ini. Pihak kerajaan, Badan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti seharusnya mengambil tindakan yang wajar seperti mengadakan kempen-kempen yang berkaitan secara besar-besaran dan konsisten menerusi media massa iaitu mengenai punca-punca serta kesan dan akibat terhadap berlakunya pengabaian dalam kalangan warga emas. Peranan media massa adalah sangat penting dalam menyampaikan sesuatu isu-isu kepada masyarakat setempat, ini telah terbukti secara langsung bahawa masyarakat sangat mempercayai setiap paparan yang disampaikan oleh media massa. Media massa terbahagi kepada dua iaitu media cetak dan media elektronik. Media cetak ialah surat khabar, poster, risalah dan lain-lain lagi. Manakala media elektronik iaitu merupakan iklan yang disiarkan menerusi televisyen, radio, internet dan sebagainya. Oleh itu, media massa ini boleh digunakan sebagai satu alat yang boleh menyampaikan segala maklumat kepada masyarakat. Di samping itu, segala maklumat yang disampaikan menerusi media massa ini dapatlah memberi kesedaran, pengajaran, atau sebagainya terhadap masyarakat yang melakukan pengabaian terhadap warga emas, keadaan ini turut dapat mengurangkan kes-kes pengabaian dalam kalangan warga emas.

RUJUKAN

- Abd. Aziz. Abd. Razak Abd Manaf, Zakiyah Jamaluddin. 2002. *Kerja Sosial, Artikel-Artikel Pilihan*. Utusan Publication dan Distrubution Sdn.Bhd. (Hlm 17).
- Abd. Razak Abd Manaf, Zakiyah Jamaluddin. 2002. *Kerja Sosial, Artikel-Artikel Pilihan*. Utusan Publication dan Distrubution Sdn.Bhd. (Hlm 172-175).
- Ahmad, M.A. 2005. *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi (Edisi Ketiga)*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Anetzberger G.J et.al. 1994. Alcoholism and Elder Abuse. *Journal of Interpersonal Violence*, Vol 9 : 184-193.
- Awanis Salleh. 2010. Faktor Pengabaian Anak Terhadap Ibu Bapa. <http://awanis29.blogspot.com/2010/05/rumusan-faktor2-pengabaian-anak.html> [3 Jun 2013]
- Butler, R. N. (1963). The life review: An interpretation of reminiscence in the aged. In: psychiatry. *Psychiatry*, 256, 65 - 76.
- Butler, R.N. 1964. The life review: An interpretation of reminiscence in the aged. In R. Kastebaum (Ed.) *New Thoughts on Aging*. New York: Springer Publishing Company
- Botwinck, Jack, Ph.D. 1973. *Aging & Behavior. A Comprehensive Integration Of Research Findings*. New York : Springer Publishing Company, Inc.
- Campbell Reay A.M. Browne K.D. 2002. The Effectivenss of Psychological Intervention With Individuals Who Physically Abuse Or Neglect Their Eldery Dependents. *Journal Of Interpersonal Violence*, Vol 17 : 416-431.
- Erikson, E. 1950. *Childhood and Society*. New York W.W. Norton
- Erikson, E. 1963. *Childhood and Society (Second Edition)*. New York W.W. Norton
- Haight, B.K. 1992. The Structured Life Review Process: A Community Approach to the Aging Client. In *Caregiving in Dementia: Research and Applications in Gemma M.M. Jones And Bere, M.L. Miesen (Eds) London: Routledge*.
- Hairi Abdullah. 2000. *Perubahan Demografi dan Pertubuhan Warga emas : Persoalan Baru Gerontoloji Semasa*. Dlm. Abdul Rahman Embong (Pnyt.). Negara, Pasaran, Dan Permodenan Malaysia. Bangi : Penerbit UKM.
- Hooyman, Nancy R., Kayak, H. Asuman. 1988. *Social Gerontology. A Multidisciplinary Perspective*. Usa : Allyn & Bacon, Inc.
- Jal Zabdi Md Yusoff. 2009. *Jenayah Dalam Keluarga: Penderaan Dan Pengabaian Warga Tua Di Malaysia*.
- Kaufman, Gayle & Uhlenberg, Peter. 1998. Effects Of Life Course Transitions On The Quality Of Relationships Between Adult Children And Their Parents. *Journal Of Marriage & The Family*. 60 : 924-938.
- Khadijah Alavi. Rahim M. Sail. Khairuddin Idris. Asnarulkhadi Abu Samah. Christine Chan. 2011. Emotional Support Needs In Caring For The Elderly Parents By The Adult Children. *Journal Of E-Bangi*.
- Linda M. Woolf. 1998. Elder Abuse And Neglect. <http://www2.webster.edu/woolflm/abuse.html> [15 April 2013].

- Merriam, S. B. 1998. *Qualitative Research and Case Study Applications in Education. Revised And Expanded From " Case Study Research in Education."*. Jossey-Bass Publishers, 350 Sansome St, San Francisco, CA 94104.
- Buang Bapa, Kebas Wang. 2011. *Harian Metro*. <http://w1.hmetro.com.my/articles.html> [13 Mac 2013].
- Perah Kudrat Ibu Bapa. 2012. *Harian Metro*. <http://w1.hmetro.com.my/articles.html> [11 Mac 2013].
- Wang Dicari, Ibu Bapa Terabai. 2012. *Harian Metro*. <http://www.hmetro.com.my/articles.html> [28 November 2012].
- Patton, Q.M., 1990. *Qualitative Evaluation And Research Methods*. Second Edition. Sage Publications Inc., Newsbury Park, London, New Dehli.
- Ponnusamy Subramaniam & Shazli Ezzat Ghazali. 2004. Penganiayaan Warga Tua: Satu Penelitian. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, Vol 26 (2): 20 – 29.
- Rosenmary, L. 1997. *"The Family: A Sources Of Help For The Elderly"*. Dlm. E. Shanas & M. Sussman (Pnyt), *Family Bureaucracy And The Elderly*. Durham: Duke University Press.
- Safarik M.E. 2002. Sexual Homicide of Elderly Females. *Journal of Interpersonal Violence*, Vol 9 : 500-526.
- Statistik Pengabaian Warga emas. 2010. Pengabaian Warga emas. <http://fajarsoleh.blogspot.com.html> [21 November 2012].
- Statistik Warga Emas di Rumah Perlindungan. 2012. Dimana silapnya warga emas?. http://www.hargaemas.com.my/terkini/dimana_silapnya-wargaemas.html [11 Oktober 2012].
- Suitor, J. Jill & Pillemer, Karl. 1988. *Explaining Intergenerational Conflict When Adult Children and Elderly Parents Live Together*. *Journal of Marriage & The Family*. 50: 1037-1045
- Usman Yaakob. 2001. *Peranan Keluarga Dalam Penjagaan Warga emas di Malaysia*. Selangor: Penerbit Prentice Hall, Person Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Wan Ibrahim Wan Hamat. 2000. *Penjagaan Warga emas Pada Abad ke-21 : Tanggungjawab Keluarga atau Pemerintah?*. Dlm. Abdul Rahman Embong (Pnyt.). Negara, Pemasaran, dan Pemodenan Malaysia. Bangi : Penerbit UKM.
- Yan, E. & Kam Tang C.S. 2001. Prevalence And Psychological Impact of Chinese Elder Abuse. *Journal Of Interpersonal Violence*, Vol 16 : 1158-1174.

Noraini Che' Sharif, Khadijah Alavi, Ponnusamy Subramaniam & Zainah Ahmad Zamani
Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Pusat Psikologi, Fakulti Sains Kesihatan
Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM 43600 Selangor, Malaysia
Correspondence: Khadijah Alavi (email: khadijah@ukm.edu.my)